

09/02/2003

Dr M: Cetuslah idea baru masa bercuti

KONSEP percutian bagi orang Melayu agak baru, mungkin bermula 80 tahun atau lebih awal sedikit. Sebelum itu, sebagai petani dan nelayan mana ada cuti, temasya hiburan diadakan selepas menuai dan ketika puja pantai. Raja dan bangsawan pun tidak cuti, mereka memburu hiburan: berlaga atau menyabung ayam, lembu atau kerbau, judi, joget, makyung, menora, wayang kulit yang juga dinikmati rakyat, sekarang keseluruhannya dimusnahkan, diganti pula dengan hiburan yang lebih parah pada adat resam, kebudayaan dan kesucian agama Islam. Tetapi apa boleh buat - main dengan puak cetek dunia dan ekstremis.

Semasa budak, keluarga saya selalu bawa saya makan angin ke Kota Bharu, ke Tumpat dan Pasir Mas. Apabila masuk sekolah, baru saya kenal cuti sekolah, pergi berkelah di air terjun, tepi pantai dan atas bukit. Apabila masuk Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK), budaya saya bertukar akibat interaksi dengan rakan sedarjah dan mereka yang lebih tinggi (seniors). Saya mula bercuti ke Bukit Maxwell (Larut), Taiping, ke Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Port Dickson, Melaka dan Singapura.

Sewaktu belajar di Amerika Syarikat, saya bercuti di seluruh Amerika, yang masih segar dalam ingatan ialah percutian saya di New York dan Florida pada awal Disember 1960. Saya bermukim di Washington D.C.

Apabila bertugas dengan Tun Razak, saya mulai berehat di luar negara, lazimnya masa salji dan amalan itu diteruskan hingga kini. Bezanya, saya dan keluarga selain ke Eropah dan Amerika Syarikat, sejak dua dekad lepas mula menziarahi negara-negara Asia, Amerika Latin, Arab dan Afrika Utara.

Cuti perlu bagi mereka yang bekerja kuat. Minda seperti tubuh badan perlu berehat tetapi tidak sepanjang masa seperti sesetengah orang, nampak saja bekerja sebenarnya tidak kerana produktiviti rendah. Mereka seolah makan angin selalu.

Perdana Menteri dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sering bercuti di luar negara dan kedua-duanya berhak mengikut peraturan dan peruntukan undang-undang. Dr Mahathir sememangnya patut menerima segala keistimewaan: cuti dan pujian. Secara adil kedua-dua suami isteri itu sepatutnya pergi makan angin setiap tahun untuk melapangkan minda dan melihat dan memerhati negara asing kerana melancong (selain daripada buku) adalah sebaik-baik pendidikan.

Minggu pertama Mac, Dr Mahathir akan bercuti selama dua bulan. Datuk Seri Abdullah Badawi akan memangku jawatan Perdana Menteri. Tiada rombakan jemaah menteri dan tiada pilihan raya umum selepas Dr Mahathir pulang. Agak legalah sesetengah orang, mereka selamat bagi tempoh lapan bulan lagi.

Ilham baru?

Saya berharap Dr Mahathir akan mendapat ilham baru masa bercuti panjang ini yang akan menjadi dasar baru kerajaan sebelum dia melepaskan tugasnya kepada Abdullah yang akan dilaksanakan olehnya.

Dr Mahathir kini adalah seorang ketua kerajaan yang paling lama dalam seluruh negara demokrasi. Dia terus bekerja tanpa tahu penat lelah saban hari. Dr Mahathir amat terkenal di pentas politik antarabangsa, tiada Perdana Menteri terdahulu dapat menyamainya. Winston Churchill, sewaktu berusia 77 tahun (usia Dr Mahathir sekarang), jadi Perdana Menteri Britain kali kedua pada tahun 1951 dan berhenti empat tahun kemudian bagi membolehkan seseorang yang lebih muda menggantikannya - Anthony Eden, tempohnya amat singkat akibat salah main catur politik: peperangan Suez

Canal bersekutu dengan Israel dan Perancis.

Bagi mereka yang masih berangan menjadi Perdana Menteri, umur tidak menjadi masalah asalkan ada sokongan kuat daripada parti dan Umno menang besar dalam pilihan raya umum akan datang dan selepasnya. Pada pilihan raya umum 2009, Musa Hitam baru berusia 74 tahun dan Tengku Razaleigh Hamzah, 71.

Tidak salah berangan-angan. Dalam politik, tiada istilah tidak boleh atau mustahil. Tegas Napoleon, tiada perkataan impossible (yang tidak dapat dilakukan) dalam kamusnya. Sebab itu, terlukis-lukislah dalam khayalan ramai ingin jadi Perdana Menteri.

Pada sesetengah orang pula: angan lalu, fahaman tertumbuk: ada kemahuan, ada kebolehan, ada wang tetapi cita-cita sebenarnya sukar hendak dilaksanakan kerana tidak ada komitmen yang kuat dan meyakinkan. Apapun, adalah mustahil sekali meramalkan masa depan apa dan siapapun dengan tepat. Ia adalah satu tugas yang hampir mustahil.

Singapura harus berkerukunan selalu

Kemuafakatan adalah prinsip utama jika mahu hidup aman (live and let live) antara tetangga, juga antara bangsa, agama dan negara.

Dakwaan Singapura Pulau Batu Putih miliknya dan ketegasan kita bahawa pulau itu kita punya dari apa hukum dan perspektif pun akan diadili oleh Mahkamah Dunia di Hague, Belanda. Persetujuan membawa kes itu ke Hague telah ditandatangani, satu kegembiraan - saya fikir - kepada kedua-dua jiran terdekat yang ingin terus hidup sebagai kawan.

Sementara menanti keputusan Mahkamah Dunia, Singapura haruslah menghormati kerukunan dengan orang yang tinggal sebelah menyebelah. Kita juga harus bertindak demikian. Sementara Singapura sekarang mentadbir Pulau Batu Putih, kita juga berhak, tanpa gangguan, terus mengawal di perairan pulau itu. Saya kira ini tidak bermasalah andainya persahabatan dan kepentingan bersama yang lebih murni, lebih strategik dan lebih bermakna baik dari segi jangka pendek ataupun panjang diambil kira secara serius dan ikhlas. Kedua-dua negara menghadapi musuh yang sama - keganasan maka tidak harus kerjasama kita di medan ini terjejas kerana perkara yang remeh dan mengorbankan kepentingan ekonomi dan pertahanan.

Jaafar Albar bantah perpisahan Singapura

Saya tidak mahu berhujah panjang, saya bukan seorang peguam yang mahir undang-undang antarabangsa dan kedaulatan, tetapi saya seorang saja yang masih hidup antara dua pemimpin Umno yang memberi khidmat kepada pucuk pimpinan tertinggi Umno dan kerajaan yang membangkang perpisahan Singapura pada 9 Ogos 1965. Tan Sri Syed Jaafar Albar, telah kembali ke Rahmatullah. Disebabkan opposisinya yang keras dan berani, dia telah diketepikan oleh pucuk pimpinan parti dan kerajaan dia langsung menceburi dunia perniagaan sehingga dia kembali aktif memimpin Pemuda Umno pada umur yang lewat, pertengahan 60-an. Kami membantah atas sebab berlainan. Albar tidak mahu menerima keputusan majoriti, saya akur dengan protes.

Melihat kembali (masa itu) dan mengkaji pergolakan politik serantau dan dunia kini jelas Albar mempunyai hujah yang kukuh (tidak ternampak oleh majoriti atau sengaja tidak mahu menerima apa yang logikal tatkala itu).

Anak Albar, Syed Hamid, sebagai Menteri luar sekarang membela hak kita dengan Singapura, wilayah kita yang diserahkan oleh Tengku Abdul Rahman Putra di atas dulang perak pada Lee Kuan Yew, 38 tahun dulu.

Melayu kadangkala, sebenarnya seolah-olah sudah menjadi sifat kita amat suka cari jalan senang mengatasi problem dengan harapan selepas itu kita tidak dihadapi problem itu lagi. Amat tersalah: Tengku ingat dengan mengeluarkan Singapura dari Malaysia pulau itu akan mundur dan masalah Cina - Melayu selesai, tenteram selagi ada bintang dan bulan. Kan mereka Cina? Mana Cina mundur? Cina mana mahu bertolak ansur kalau mereka berasa gagah?

Main Polo dan menunggang kuda harus bagi Melayu!

Masa cuti Hari Raya Cina (Tahun Baru Cina sebenarnya), saya ke Manila (menunai jemputan seorang sahabat akrab) menonton dan menikmati keseronokan yang lazimnya didapati daripada sukan polo, sukan Raja-raja atau Raja segala sukan!

Pasukan Polo Kelab DiRaja Pahang yang diketuai Tengku Abdullah ibni Sultan Tuanku Ahmad Shah, iaitu Tengku Mahkota Pahang telah menewaskan pasukan dari Polo Club Manila (kelab polo yang berusia 94 tahun) dengan 10-7 gol dalam permainan Lima Chukker, memenangi tropi DiRaja Pahang yang berprestij dalam sukan polo serantau.

Saya memang suka kuda, menunggangnya satu masa dulu, sudah lama tidak lagi selepas jatuh (aduh sakitnya sampai sekarang, takut berulang tidak hilang). Kuda kepunyaan keluarga DiRaja Pahang tersohor handal - selalu menang. Mereka tidak berkehendakkan cemeti.

Kesultanan Melayu yang pelihara kuda dan menggalakkan sukan Polo (bukan kuda lari, itu bertaruh) adalah Sultan Pahang (sudah empat keturunan kalau tidak lima) dan Johor (juga lama), Perak zaman Sultan Iskandar dan keluarga DiRaja Kedah dari masa ke masa. Tengku Abdul Rahman bela kuda lumba dan seorang keluarga DiRaja Negeri Sembilan pelihara kuda lari dan sekarang presiden Turf Kelab Selangor.

Semua manusia sukakan kuda, ia satu haiwan yang perkasa yang tidak haram bagi semua agama. Kalaulah ada satu haiwan yang sifatnya universal, ia adalah kuda! Rasulullah SAW, memimpin peperangan menunggang kuda. Almarhum King Hassan II dari Maghribi menunggang kuda berangkat ke masjid diiringi beratus yang menaiki kuda. Arwah Tun Razak, saya dan ahli rombongan Malaysia ke Maghribi pada 1964 dijemput menunggang kuda ke Masjid Rabbat oleh King Hassan.

Tolak Jemputan King Hassan menunggang kuda ke Masjid Rabbat

Kami menolak, semua tersipu-sipu. Kami sembah bahawa kami lebih senang berkereta! Tiada seorang pun dalam rombongan waktu itu pandai menunggang kuda hatta keldai pun. Beberapa tahun selepas itu saya (dengan inspirasi dari ingatan masa saya kecil) mulai belajar naik kuda. Masa kecil, Tok Imam Pangkal Kalong, Haji Abdul Hamid, waris dan mukimnya hanya melintasi satu mukim lagi dari kampung saya, Kampung Bandar dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Pulau Chondong, zaman 40-an menunggang kuda apabila melawat mukimnya dan waris-warisnya di Kampung Bandar. Apabila saya jadi ahli Parlimen Machang (1974-78), Haji Hamid datang bersama Tok Penggawa Ariffin Mahmood (juga seorang waris), berjumpa saya. Saya ingat mereka mahu bantuan beli kuda. Tidak, mereka mahu lesen pistol!

Tengku Mahkota Pahang, adindanya, Tengku Muda pintar bersukan polo dan amat pandai (pantas pula!) menunggang apa lagilah Shariman Sani, Amran Selamat dan kawan-kawan mereka - orang biasa - yang dinaungi oleh Sultan Ahmad Shah juga pemain polo yang bestari dan tangkas.

Semoga ramailah Raja-Raja Melayu menaungi sukan polo dan menunggang kuda seperti Sultan Pahang dan Sultan Johor. Seorang kenalan, orang biasa, Kelas Menengah Atas, ada banyak kuda dan padang polo sendiri dan semua keluarganya main polo atau menunggang kuda.

Dr M seorang cekal

Dr Mahathir, seorang penunggang kuda yang cekal. Sungguhpun pernah jatuh, dia terus berani dan menunggang pada hal dia mulai menunggang pada masa umurnya lebih tua dari saya mulai menunggang. Jelas kita akan berjaya dalam apa bidang pun asal kita tabah, sabar dan keras hati mahu sesuatu. Contoh terbaik kini ialah Datuk Dr Jamaluddin Jarjis: tunggang kuda boleh bila-bila masa pun, main polo pun bisa; dia tidak senang mengalah.

Sultan Ahmad Shah dan ayahandanya, Almarhum Sultan Tuanku Abu Bakar, dua cucu Almarhum baginda penunggang kuda yang arif.

Anak-anak saya menunggang sewaktu di England tetapi seperti saya kini

lebih senang dengan hobi dan sukan lain. Saya gesa ramai orang kita ikut jejak Nabi Muhammad SAW menunggang kuda, jangan hanya mahu contohi berpoligami saja. Belajarlah hingga ke negeri China, hidup sederhana, amanah, tidak sombong, hidup berjasa dan berbakti.

Janganlah kita jadi kuda tua: dipakai tidak boleh, nak bunuh sayang. Inilah, pada fikiran saya, masalah dan cabaran terbesar yang dihadapi Melayu sekarang: kejar keduniaan pun tidak, akhirat pun tidak. Hanyut di dunia, karam di akhirat!